

23/03/2002

Cartrade, Sime Darby bincang hasrat BMW wujud pusat operasi Asia

CATRADE Sdn Bhd (Catrade) dan Sime Darby Bhd (Sime Darby), rakan niaga tempatan bagi kumpulan BMW, akan mula berbincang dengan kumpulan automotif terkemuka itu mengenai hasratnya menjadikan Malaysia pangkalan operasi serantaunya.

Ketua Eksekutif Cartrade, Ilyas Mohamed berkata, pihaknya yang menyambut baik hasrat BMW itu akan memulakan perbincangan sebaik butiran lanjut cadangan terbabit diperolehi.

Katanya, perbincangan itu mungkin mengambil masa yang lama kerana ia perlu melalui beberapa peringkat serta membabitkan pelbagai pihak yang ketika ini berurusan dalam perniagaan BMW di Malaysia.

Cartrade ialah pemegang francais dan pengimport kereta serta motosikal BMW di Malaysia manakala Auto Bavaria Sdn Bhd yang ditubuhkan pada 1988 adalah pengimport komponen bagi kereta BMW yang dipasang di negara ini.

Kereta BMW terbabit dipasang di kilang milik Associated Motor Industries Sdn Bhd (AMI) yang dikuasai sepenuhnya Amim Holdings Bhd (Amim), yang juga syarikat anggota kumpulan Sime Darby.

Auto Bavaria yang juga ahli kumpulan Sime Darby dimiliki sepenuhnya oleh Tractors Malaysia Holdings Bhd (Tractors) yang turut menguasai 70 peratus kepentingan Amim. Sime Darby menguasai 71.74 peratus kepentingan Tractors.

"Sehingga ini kami belum berbincang mengenai perkara itu kerana BMW baru sahaja menyuarakan hasratnya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya ketika dihubungi Berita Harian, di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau yang turut menyertai rombongan Perdana Menteri ke kilang BMW di Munich, Jerman itu berkata, BMW mempunyai matlamat khusus dalam menempatkan Pusat Pangkalan Data dan Alat Ganti bagi rantau Asia serta mengendalikan sepenuhnya aspek pengedaran dan jualan kereta BMW di negara ini.

Bagaimanapun, Ilyas berkata, perkara mengenai aspek pengedaran perlu dibincangkan secara teliti dan pada masa sama mampu memberi manfaat dalam situasi 'menang-menang' kepada BMW Jerman, Catrade dan Sime Darby.

Difahamkan, antara perkara yang akan menjadi tumpuan utama dalam perbincangan itu ialah dari segi keupayaan menguruskan permit import (AP) dan program pemasangan komponen tercurai (CKD) oleh BMW Jerman di negara ini.

BMW kini tidak memiliki kilang pemasangan kereta di Malaysia dan program CKDnya dikendalikan oleh Sime Darby menerusi Amim tetapi kumpulan itu sudah mempunyai kilang pemasangan kereta yang dimiliki sepenuhnya masing-masing di Thailand dan Indonesia.

Selain itu, BMW juga mempunyai sebuah pejabat serantau di Singapura yang sudah beroperasi sejak 15 tahun lalu.

Mengenai operasi pusat pangkalan data BMW di Cyberjaya, Ilyas berkata, ia berfungsi mengawal bekalan logistik, pengedaran komponen dan penyaluran maklumat terbaru mengenai operasi BMW di Jerman.

(END)